


SLOGAN DAN PANJI-PANJI BRUNEI¹

Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman




Panji-Panji yang dikatakan diasaskan oleh Sultan Sharif Ali.

Bendera dan panji-panji adalah bersinonim dengan perasaan manusia. Sejak manusia kenal erti tamadun, bendera telah menjadi suatu lambang yang penting untuk manusia menyerlahkan perasaan hatinya. Sejak zaman dahulu lagi bendera telah dianggap sebagai sehelai kain yang bukan sahaja berkeramat malah bendera juga dijadikan sebagai lambang yang mempunyai unsur-unsur azimat.

Secara dasarnya bendera adalah sepotong kain segi empat atau segi tiga yang mempunyai reka bentuk tertentu yang digunakan sebagai lambang negara, perkumpulan, badan dan sebagainya. Manakala panji-panji pula adalah lambang Kerajaan atau lambang kebesaran peribadi seseorang pembesar negara.

Jika diselongkar sejarah silam setiap bangsa yang besar yang pernah wujud di dunia ini, maka akan tersingkaplah betapa bendera dan panji-panji itu telah memainkan peranan penting dalam kemajuan tamadun satu-satu bangsa. Pada zaman dahulu khususnya di negerinegeri yang selalu bergolak dengan peperangan seperti China, Korea dan Jepun, mereka amat member penekanan kepada bendera yang digunakan sama ada sebagai lambang kekuatan bala tentera mereka ataupun sebagai alat komunikasi.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, bendera berperanan sebagai identifikasi status seseorang yang boleh dikenali melalui warna dan bentuk panji-panjinya. Menurut catatan sejarah, bendera negara telah wujud sejak zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali (TM 1425-1432). Mulai dari tempoh tersebut bendera dan Panji-Panji Negara telah mengalami berbagai perubahan sehinggalah pada tahun 1959. Bendera Brunei telah melalui sejarah penting apabila is dilengkapi dengan penambahan panji-panji sebagai lambang kedaulatan negara.




Panji-Panji Negara Brunei Darussalam yang digunakan pada tahun 1949.

¹ Rencana ini telah diubahsuai untuk keperluan penerbitan dan sebelum ini pernah tersiar dalam Aktif. Bil.48. November 2002.

Penambahan panji-panji tersebut bermula apabila Brunei mula mendapat kemerdekaan dalam negeri setelah terbentuknya *Perlembagaan Negeri Brunei* pada 29 September 1959. Dalam panji-panji tersebut tertulis satu slogan yang berbunyi '**Addaa imuna al muhsinuna bil huda**', yang bermaksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk.' Slogan ini mempunyai pengertian yang luas dalam konteks pembangunan negara yang baru sahaja mendapat status kemerdekaan dalam negeri.

Sebelum terbentuknya perlembagaan bertulis, Negeri Brunei sudah memiliki bendera kebangsaannya sendiri. Bendera tersebut telah wujud sejak Warna-warna yang terdapat pada Bendera Kerajaan Brunei adalah mewakili warna-warna bendera peribadi Sultan dan Wazir. Ada tiga warna yang dimasukkan ke dalam bendera tersebut, iaitu kuning, putih dan hitam. Warna kuning adalah warna bendera peribadi Sultan, putih adalah warna bendera peribadi Pengiran Bendahara manakala hitam adalah bendera peribadi Pengiran Pemancha.

Dua warna bendera peribadi Wazir Brunei iaitu hijau bagi Pengiran DiGadong dan merah bagi Pengiran Temenggong tidak dimasukkan dalam Bendera Kebangsaan Brunei. Ini disebabkan kedua-dua Wazir tersebut telah meninggal dunia sebelum Perjanjian 1905/1906 dimeterai dan jawatan-jawatan tersebut belum diisi semasa perjanjian tersebut dibuat.



Panji-Panji yang menjadi lambang Kerajaan Negara Brunei Darussalam sejak Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Penambahan panji-panji pada Bendera Kebangsaan Brunei merupakan ciri penting bagi menandakan bahawa Brunei telah bergerak ke suatu era yang lebih mencabar terutama sekali apabila terbentuknya *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Slogan dalam bahasa arab yang berbunyi '**Addaa imuna al muhsinuna bil huda**' membawa maksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk' itu adalah tanda bahawa dalam mengharungi era yang mencabar ini seluruh rakyat dan penduduk yang bernaung di negara ini amat mengharap pertolongan dan petunjuk daripada Allah Yang Maha Berkuasa dalam sama-sama mentadbir negara.

Pada asalnya slogan tersebut ialah hasil pengubahsuaian yang dibuat oleh Awang Haji Mahali bin Haji Abdullah' dari perkataan asalnya yang berbunyi, '**Daaim Muhsin Bilhuda**' yang bermaksud 'seorang lelaki yang

beristeri yang berzina'. Asal perkataan tersebut tidak diketahui siapa penulisnya tetapi ia dipercayai datang dari pihak istana. Tetapi disebabkan

oleh maksudnya yang kurang elok, maka Awang Haji Mahali bin Haji Abdullah mencadangkan enam ayat barn bagi menggantikan ayat tersebut. Ayat-ayat tersebut ialah:

*'Daa imul mu sinunna bilhuda; 'Daa imun
muhsinani bil huda; 'Daa imunal muhsinuna
bilhuda; Adaa imul muhsinu bi huda;
Addaa imin nil mun sinan bilhuda; dan
Adaa imuna al muhsinuna bil huda'*

Keenam-enam ayat tersebut telah disenaraikan dan dihadapkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamaruddin untuk disembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar



Antara panji-panji awal di Brunei

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III) bagi mendapatkan perkenan baginda, ayat mana yang diperkenankan untuk menjadi slogan bendera Brunei. Akhirnya ayat keenam yang berbunyi: ***Addaa imuna al muhsinuna bil huda'*** (Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk) diperkenankan untuk dipatrikan pada Panji-Panji Brunei sebagai slogan agar dapat menjadi panduan kepada pemerintah dan jugs kepada seluruh rakyat dan penduduk Brunei yang mengibarkannya. Oleh itu Awang Abdul Hamid bin Mohd. Daud telah diarahkan untuk menulis semula ayat tersebut sebelum ia dituliskan pada Bendera Kebangsaan Brunei.

Setelah dibuat pembetulan yang sepatutnya, maka ayat tersebut dihantar ke Hong Kong untuk dicap ke dalam panji-panji yang terletak di tengah-tengah bendera. Segala urusan mencap slogan pada Panji-Panji Bendera Brunei telah dikendalikan oleh seorang muafak Cina yang bernama Haji Bolhasan. Semua pekerjaan tersebut telah diuruskan sebelum tarikh perlembagaan *Perlembagaan Negeri Brunei* pada 29 September 1959, agar bendera dan slogan tersebut dapat digunakan pada tarikh termaktubnya perlembagaan yang merupakan peristiwa penting dalam lipatan sejarah Brunei.